



JURNAL PENDIDIKAN BAHASA MELAYU

Malay Language Education Journal

Perbezaan Faktor Jantina, Umur dan Pengalaman Mengajar dengan Tahap Efikasi Kendiri dan Pelaksanaan Pendekatan Pengajaran Terbeza Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah

(Difference in Factors of Gender, Age and Teaching Experience with the Level of Self Efficiency and Different Approaches of Primary School Malay Language Teacher)

Maryam Norazan

Sekolah Kebangsaan Taman Kota Kulai, Persiaran Sri Putri 2, Taman Putri, 81000 Kulai, Johor, MALAYSIA.

Koresponden: **Maryam Norazan**, p111247@siswa.ukm.edu.my

ISSN: 2180-4842

Terbitan: Mei, 2023

Volume: 13

Bilangan: 01

Halaman: 38-49

Dihantar pada:

20 November 2022

Diterima pada:

13 Mei 2023

Abstrak: Guru yang memiliki efikasi sendiri yang tinggi akan berupaya untuk menyediakan persekitaran pembelajaran yang menarik, efektif dan optimum kepada semua murid melalui pendekatan pengajaran terbeza yang dilaksanakan. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap efikasi sendiri serta pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza guru Bahasa Melayu sekolah rendah berdasarkan faktor jantina, umur dan pengalaman mengajar. Kajian ini melibatkan seramai 165 orang responden yang dipilih menerusi pensampelan rawak mudah serta terdiri daripada guru Bahasa Melayu sekolah rendah yang mengajar di daerah Kulai. Data telah dianalisis secara inferensi menggunakan ujian-t dan ANOVA satu hala. Hasil kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan signifikan pada tahap efikasi sendiri guru lelaki dan guru perempuan. Namun begitu, terdapat perbezaan signifikan pada tahap efikasi sendiri guru berdasarkan faktor umur dan pengalaman mengajar. Bagi pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza berdasarkan faktor jantina, dapatan memperlihatkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara guru perempuan dengan guru lelaki. Walau bagaimanapun, dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan bagi pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza berdasarkan faktor umur dan pengalaman mengajar. Hasil dapatan ini menunjukkan bahawa faktor demografi turut mempengaruhi tahap efikasi sendiri guru Bahasa Melayu sekolah rendah serta pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza yang dilakukan. Oleh itu, guru Bahasa Melayu sekolah rendah yang memiliki efikasi sendiri yang tinggi akan berupaya untuk melaksanakan pendekatan pengajaran terbeza dengan lebih berkesan.

Kata kunci: Efikasi sendiri guru, Guru sekolah rendah, Pendekatan terbeza, Bahasa Melayu

Abstract: Teachers who have high self-efficacy will be able to provide an interesting, effective, and optimal learning environment for all students through different teaching approaches implemented. This study aims to identify the level of self-efficacy as well as the implementation of different teaching approaches of Malay Language primary school teachers based on the factors of gender, age, and teaching experience. This study involved a total of 165 respondents who were selected through simple random sampling and consisted of primary school Malay Language teachers who teach in the Kulai district. Data were analyzed inferentially using t-test and one-way ANOVA. The results of the study show that there is no significant difference in the level of self-efficacy of male and female teachers. However, there is a significant difference in the level of self-efficacy of teachers based on factors such as age and teaching experience. Next, for the implementation of differentiated teaching approaches based on gender factors, findings show that there is a significant difference between female teachers and male teachers. However, the findings of the study show that there is no significant difference in the implementation of different teaching approaches based on the factors of age and teaching experience. The results of this finding show that demographic factors also affect the level of self-efficacy of primary school Malay Language teachers as well as the implementation of different teaching approaches. Therefore, primary school Malay Language teachers who have high self-efficacy will be able to implement differentiated teaching approaches more effectively.

Keywords: Self-efficacy of teachers, Primary school teachers, Different approaches, Malay Language

PENGENALAN

Keupayaan guru dalam menyampaikan pengetahuan dan kemahiran yang bertepatan dengan aras keupayaan serta keperluan murid mempunyai perkaitan dengan efikasi sendiri guru. Efikasi sendiri didefinisikan sebagai kepercayaan dan keyakinan seseorang individu terhadap kebolehan diri untuk melakukan sesuatu tanggungjawab atau tindakan (Bandura 1977). Efikasi sendiri telah hadir selaku penentu kejayaan yang tertinggi dalam pelbagai tugas yang dilaksanakan oleh seseorang individu termasuklah melalui penyampaian pengajaran. Justeru, efikasi sendiri mempunyai peranan dalam menentukan kemampuan guru untuk menyediakan sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang tepat dan menarik selari dengan perkembangan dunia pendidikan pada hari ini (Mohd Syaubari 2022). Hal ini dikatakan demikian, efikasi sendiri mampu mendorong pelaksanaan kepada tindakan yang tepat dalam memastikan perkembangan pembelajaran murid dapat ditingkatkan (Green 2019; Dixon & Hawe 2018). Impaknya, guru yang memiliki efikasi sendiri yang tinggi akan berupaya untuk melaksanakan pendekatan pengajaran terbeza dengan baik serta berkesan kepada murid.

Pendekatan pengajaran terbeza atau *Pedagogy Terbeza (Differentiated Pedagogy)* pula ditakrifkan sebagai salah satu konsep pengajaran yang mana guru berupaya untuk mengubah suai kandungan iaitu isi pelajaran yang disampaikan di dalam bilik darjah, proses, iaitu strategi dan aktiviti pengajaran serta produk yang merujuk kepada hasil kemahiran yang diperoleh murid seterusnya dapat dinilai oleh guru serta persekitaran yang merupakan suasana pembelajaran yang kondusif (Kementerian Pendidikan Malaysia, KPM 2019). Situasi ini akan memberi peluang pembelajaran yang sama kepada setiap murid supaya mereka berkemampuan untuk belajar serta mengikuti sesi PdP di dalam bilik darjah secara optimum selari dengan aras kognitif dan keperluan pembelajaran masing-masing (Zamri et al. 2015). Pendekatan pengajaran terbeza telah memberikan ruang dan peluang kepada semua murid untuk mengikuti sesi pembelajaran mengikut tahap kognitif setiap individu (Safiek 2021). Oleh itu, para guru perlu bersedia dan lebih peka dengan keperluan dan latar belakang murid (Khairunneezam 2022) dalam usaha untuk melahirkan serta memantapkan pendekatan pembelajaran yang cekap dan efektif (Noriati et al. 2010).

Guru yang berkeyakinan tinggi akan dapat melaksanakan pendekatan pengajaran yang memenuhi serta bertepatan dengan keperluan pembelajaran juga memberikan peluang yang sama rata kepada semua murid, sesuai dengan efikasi sendiri tinggi yang dimiliki untuk menyeimbangkan mutu dan kualiti pengajaran yang disampaikan (Cocca et al. 2018). Hal ini demikian, pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza perlu memberikan fokus utama kepada tahap

pembelajaran murid, kecenderungan murid serta keupayaan pembelajaran yang dimiliki oleh mereka agar dapat mengikuti sesi PdP yang telah dirancang dengan bermakna (Danial Arif 2020).

Terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi efikasi sendiri guru dalam melaksanakan pendekatan pengajaran terbeza guru secara umumnya dan kepada guru Bahasa Melayu sekolah rendah secara khususnya. Antara aspek yang mempengaruhi efikasi sendiri guru ini termasuklah faktor jantina, umur dan pengalaman mengajar. Hal ini dikatakan demikian kerana keupayaan guru jelas berbeza mengikut individu pada tahap yang tertentu (Safiek 2021). Dalam situasi ini, perbezaan efikasi sendiri guru boleh menentukan hasil yang berbeza disebabkan keupayaan guru yang tidak serupa (Perera et al. 2019).

PERKAITAN EFIKASI KENDIRI KEPADA GURU BAHASA MELAYU

Guru Bahasa Melayu merupakan individu yang berperanan besar dalam menentukan kemenjadian diri murid dan kecemerlangan sekolah khususnya dalam subjek Bahasa Melayu. Guru yang kompeten dan berambisi tinggi serta mempunyai hala tuju yang jelas dapat dibentuk melalui keupayaan guru tersebut menerapkan efikasi sendiri yang berimpak tinggi. Seterusnya, proses PdP yang berkesan serta bermakna akan dapat digarap dan dilaksanakan. Secara umumnya, efikasi sendiri guru merujuk kepada kepercayaan guru terhadap keupayaan mereka melaksanakan tugas-tugas pengajaran (Bruun & Evans 2020; Baharuzaini et al. 2017).

Efikasi sendiri guru turut menjadi petunjuk kepada tahap keyakinan guru dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab (Bruun & Evans 2020; Mohd Zainal Abidin et al. 2017). Teng (2006) turut berpandangan bahawa guru yang mempunyai efikasi sendiri yang tinggi akan lebih bersedia untuk menerima inovasi dalam sistem pendidikan. Dalam hal ini, pelbagai pendekatan pengajaran yang bervariasi dan berkualiti akan diusahakan seterusnya dapat dilaksanakan apabila guru selaku pemudah cara di dalam bilik darjah memiliki efikasi sendiri yang positif. Kesannya, guru akan berusaha untuk mewujudkan sesi PdP yang menawarkan persekitaran yang menyeronokkan dan mendorong motivasi murid untuk terus belajar (Khairunneezam 2022).

Nor Hazizah et al. (2020) menyatakan bahawa efikasi sendiri guru didefinisikan sebagai sejauh mana guru yakin mereka mempunyai pengaruh ke atas pencapaian murid. Justeru, guru yang berefikasi tinggi akan sentiasa mencari jalan, ruang dan peluang untuk memperbaiki diri serta corak pendekatan yang digunakan untuk memberikan yang terbaik kepada murid. Hasilnya, pelbagai penerokaan yang menarik serta berinovasi akan diusahakan oleh guru agar sesi PdP yang berlangsung dapat memperkembangkan

keseluruhan potensi dan kemenjadian diri murid (Rodhiana et al. 2021). Intihanya, kepercayaan guru terhadap keupayaan diri untuk mengendalikan pengajaran secara berkesan ke arah mempengaruhi pencapaian murid akan dapat terlaksana (Bandura 1977).

Efikasi guru dapat dibahagikan kepada dua iaitu keupayaan sendiri dan keupayaan mengajar. Keupayaan sendiri dapat diterjemahkan sebagai keyakinan diri seseorang guru terhadap kebolehan dan keupayaan yang dimilikinya untuk mengubah seseorang murid dengan cara merevolusikan pembelajaran dan berupaya menginovasi pedagogi (Ong & Faridah 2022). Dalam hal ini, guru akan memainkan peranan untuk mengendalikan pengajaran terbeza secara berkesan. Guru akan bertindak sesuai dengan kepercayaan dirinya terhadap kebolehan dan keupayaan dirinya untuk memberikan yang terbaik kepada semua murid tanpa membezakan tahap kognitif mereka.

Justeru, guru akan berusaha untuk menyediakan suasana PdP yang menarik, mengaplikasikan pelbagai inovasi dan pendekatan yang bervariasi dan menawarkan iklim pembelajaran yang menyeronokkan. Impaknya, murid-murid akan berupaya untuk mencapai hasil yang diharapkan oleh guru tersebut seyogianya dengan efikasi sendiri guru tersebut dalam bertindak.

PERNYATAAN MASALAH

Tahap efikasi sendiri guru tidak berada pada skala konsisten dan cenderung untuk berubah-ubah selari dengan perubahan dalam sistem pendidikan yang sentiasa progresif (Bruun & Evans 2020). Hal ini demikian akan memberikan kesan terhadap pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza yang akan dilaksanakan di dalam bilik darjah. Sekiranya diperhalusi dan berjaya diadaptasi dengan berkesan, pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza akan memberikan peluang kepada semua murid untuk mengikuti sesi PdP bertepatan dengan tahap mereka (Koloi-Keaikitse 2017). Justeru, sekiranya guru tidak memiliki efikasi sendiri yang tinggi, keupayaan untuk melaksanakan pendekatan pengajaran terbeza dengan optimum dan berkesan akan sukar dicapai.

Perbezaan efikasi sendiri guru boleh menentukan hasil yang berbeza antara setiap individu. Kajian Norhasliza dan Hazalifah (2016) menjelaskan bahawa efikasi sendiri guru mempunyai perbezaan berdasarkan faktor jantina dan latihan yang diterima oleh guru tersebut. Dapatan yang diperoleh telah membuktikan bahawa guru lelaki dan guru siswazah dilihat mempunyai tahap efikasi sendiri yang lebih tinggi berbanding guru perempuan dan guru bukan ijazah. Walaupun begitu, kajian Syed Kamaruzaman et al. (2017) mendapati bahawa faktor jantina tidak mempengaruhi tahap efikasi sendiri guru.

Kesediaan guru Bahasa Melayu untuk menyampaikan pengajaran merupakan aspek terpenting

dalam pengendalian sesi PdP. Hal ini bermakna pengetahuan guru Bahasa Melayu tentang isi kandungan Bahasa Melayu merupakan kesediaan terpenting untuk memastikan keberkesanan pengajaran (Zamri 2022). Faktor umur merupakan antara aspek yang akan memberikan kesan terhadap pelaksanaan pengajaran yang akan dilakukan. Guru novis atau guru yang berusia bawah 30 tahun berdepan dengan masalah untuk menyampaikan pengajaran dengan berkesan. Menurut Ma'rufi et al. (2018), aspek pengetahuan guru merupakan salah satu komponen terpenting dalam menjayakan pengajaran. Dalam situasi ini, faktor umur turut memainkan peranan dalam membentuk pengalaman guru. Umur dan pengalaman guru akan memberikan keyakinan kepada guru seterusnya merupakan salah satu cara terbaik untuk mengukur tahap kesediaan guru dalam menyampaikan pengajaran (Mohd Fais & Siti Nur Diyana 2022).

Faktor pengalaman guru jelas mempengaruhi kecemerlangan pedagogi. Guru yang kurang berpengalaman akan memiliki efikasi sendiri yang lebih rendah seterusnya pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza akan sukar dilaksanakan dengan lebih efektif. Menurut Nor Hazizah et al. (2020), variasi kejayaan yang dicapai akan memberikan kesan kepada peningkatan efikasi sendiri dan komitmen seorang guru bagi menambah baik sistem pendidikan. Sebaliknya pula, kegagalan yang ditempuhi akan cenderung menyebabkan guru berefikasi rendah disebabkan wujudnya pertimbangan negatif terhadap kemampuan serta keupayaan guru mengendalikan pengajaran. Looney (2003) juga menerusi kajiannya dilihat bersetuju bahawa pengalaman mengajar akan mempengaruhi efikasi guru.

Peningkatan efikasi sendiri melalui pengalaman mengajar akan memberikan kesan kepada sikap seseorang guru dalam menerima sesuatu pembaharuan terutamanya dalam sistem pendidikan (Rodhiana et al. 2021). Hal ini jelas menunjukkan bahawa guru yang berpengalaman mengajar akan memiliki efikasi sendiri yang tinggi seterusnya berupaya untuk melaksanakan pendekatan pengajaran terbeza dengan baik dan optimum. Walau bagaimanapun, sekiranya guru tidak mempunyai pengalaman mengajar, efikasi kendirinya akan lebih rendah.

Selain itu, secara statistiknya, efikasi sendiri guru yang memiliki pengalaman mengajar lebih daripada tujuh tahun dilihat mempunyai perbezaan yang ketara jika dibandingkan dengan guru yang kurang mempunyai pengalaman mengajar dalam lingkungan tujuh tahun (Khalid et al. 2009). Hal ini demikian, Khalid (2012) turut menjelaskan bahawa efikasi sendiri guru akan terus meningkat setelah menjangkau fasa pengalaman mengajar lingkungan tiga hingga enam tahun, seterusnya fasa pengalaman mengajar menjejaki tujuh hingga sepuluh tahun, sehingga ke fasa mencakupi sebelas hingga 14 tahun. Walaupun begitu, efikasi sendiri guru akan cenderung semakin menurun

dan berkurangan dalam fasa yang mencapai 15 hingga 18 tahun pengalaman mengajar atau lebih dikenali sebagai fasa efikasi lesu.

Natijahnya, guru yang berefikasi rendah juga akan lebih cenderung untuk memberikan tumpuan yang lebih hanya kepada kumpulan murid berpencapaian tinggi namun kurang memberikan perhatian kepada murid yang lemah dalam pelajaran atau tidak berupaya menonjolkan pencapaian yang cemerlang dalam akademik kerana beranggapan murid tersebut akan selalu menimbulkan kekacauan, gangguan dan masalah semasa sesi pengajaran berlangsung (Hartell 2018). Impak efikasi rendah ini turut menjadikan guru sukar menerima pembaharuan dalam sistem pendidikan serta berdepan masalah untuk mengadaptasi serta meneroka ilmu baharu bagi meningkatkan kemahiran dalam mempelbagaikan pendekatan pengajaran untuk memenuhi keperluan kognitif murid (Ling et al. 2019; Aswaniza & Rosadah 2018).

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan berdasarkan dua objektif berikut:

1. Mengetahui perbezaan tahap efikasi sendiri guru Bahasa Melayu sekolah rendah berdasarkan faktor jantina, umur dan pengalaman mengajar.
2. Mengetahui perbezaan tahap pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza guru Bahasa Melayu sekolah rendah berdasarkan faktor jantina, umur dan pengalaman mengajar.

HIPOTESIS KAJIAN

Hipotesis nol yang dibina dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- H₀₁** Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap efikasi sendiri guru Bahasa Melayu sekolah rendah berdasarkan faktor jantina.
- H₀₂** Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap efikasi sendiri guru Bahasa Melayu sekolah rendah berdasarkan faktor umur.
- H₀₃** Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap efikasi sendiri guru Bahasa Melayu sekolah rendah berdasarkan faktor pengalaman mengajar.
- H₀₄** Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza guru Bahasa Melayu sekolah rendah berdasarkan faktor jantina.
- H₀₅** Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza guru Bahasa Melayu sekolah rendah berdasarkan faktor umur.
- H₀₆** Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza guru Bahasa Melayu sekolah rendah berdasarkan faktor pengalaman mengajar.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dan reka bentuk kajian adalah berbentuk tinjauan. Menurut Zhang et al. (2017) kaedah tinjauan adalah sesuai untuk mengukur pandangan responden terhadap sesuatu isu atau topik, pencapaian matlamat sesuatu program serta sikap dan tingkah laku. Pemilihan reka bentuk kajian ini bertujuan untuk mengumpul data bagi mengenal pasti perbezaan antara tahap efikasi sendiri serta tahap pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza guru Bahasa Melayu sekolah rendah berdasarkan faktor jantina, umur dan pengalaman mengajar. Populasi sasaran bagi kajian ini terdiri daripada 290 orang guru Bahasa Melayu Sekolah Kebangsaan (SK) di daerah Kulai. Dalam kajian ini, sampel kajian hanya melibatkan 165 orang guru Bahasa Melayu sahaja yang dipilih melalui teknik pensampelan rawak mudah (Krejcie & Morgan 1970). Semua sampel kajian yang dipilih mempunyai latar belakang yang serupa iaitu guru subjek Bahasa Melayu SK di daerah Kulai, Johor.

Instrumen Kajian

Data kajian dikumpulkan melalui satu set soal selidik yang diedarkan melalui *Google Form*. Soal selidik ini terdiri daripada tiga bahagian, iaitu Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C. Bahagian A mengandungi maklumat demografi sampel kajian seperti jantina, umur dan pengalaman mengajar subjek Bahasa Melayu. Bahagian B pula mengandungi item soal selidik yang dibangunkan mengenai efikasi sendiri guru. Bahagian C pula merupakan item soal selidik yang dibina berdasarkan item pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza guru.

Bagi tahap efikasi sendiri guru, pengkaji mengadaptasi instrumen *Teachers' Sense Of Efficacy (TSES)* yang dibangunkan oleh Tschannen-Moran dan Hoy (2001). *TSES* terdiri daripada 12 item yang telah disemak semula serta diringkaskan oleh mereka berpandukan soal selidik asal yang mengandungi 24 item pada tahun 2001. Fenella (2014) telah menggunakan serta menterjemahkan instrumen *TSES* ini ke dalam Bahasa Melayu. Instrumen *TSES* terbahagi kepada tiga dimensi, iaitu penglibatan murid (bagi mengukur kesungguhan guru dalam memberi dorongan kepada murid), strategi instruksional (aspek kesungguhan guru dalam memberi kefahaman kepada murid) dan pengurusan kelas (aspek kesungguhan guru dalam mengawal kelas).

Terdapat sembilan skala pengukuran yang boleh digunakan, bermula dengan "1" (Tidak Peduli Langsung) hingga "9" (Sangat Penuh Kesungguhan). Walau bagaimanapun, kajian ini menggunakan skala Likert lima mata. Dalam hal ini, Tschannen-Moran et al. (1998) turut memberikan pilihan dengan

membahagikan skala tersebut kepada jenis skala Likert lima mata: 1 - Sangat tidak boleh, 2 - Tidak boleh, 3 - Boleh Sedikit, 4 - Boleh, 5 - Sangat Boleh.

Bahagian C pula terdiri daripada item bagi pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza. Soal selidik item pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza telah disesuaikan daripada kajian Danial Arif (2020) serta Rathaneswaary dan Ruhizan (2022). Soal selidik ini terdiri daripada tiga bahagian iaitu: tahap pengetahuan, tahap penerimaan dan tahap pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza yang diterapkan oleh guru dalam subjek Bahasa Melayu. Skala yang digunakan untuk mengukur aspek pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza ialah skala Likert lima mata: 1 – Sangat tidak bersetuju, 2 – Tidak setuju, 3 – Sederhana, 4 – Setuju, 5 – Sangat setuju.

Kesahan bagi keseluruhan soal selidik ini adalah *Cronbach Alpha* 0.94. Seterusnya, bagi item soalan elemen penglibatan murid semasa pengajaran, kesahan item soal selidik yang telah dibuat adalah *Cronbach Alpha* 0.87, item soalan bagi elemen strategi intruksional guru pula adalah *Cronbach Alpha* 0.91 dan bagi item soalan elemen strategi pengurusan bilik darjah guru adalah *Cronbach Alpha* 0.90. Justeru, dapatan menerusi kajian rintis yang telah dilaksanakan membuktikan bahawa responden berupaya untuk memahami serta jelas dengan semua item yang disenaraikan memandangkan instrumen tersebut mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi melebihi nilai 0.60 berpandukan pekali *Cronbach Alpha* (Lily Hanefarezan et al. 2018).

Analisis Data

Data dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science* (SPSS) versi 28.0. Analisis inferensi seperti ujian-t dan ANOVA digunakan untuk menguji hipotesis kajian. Statistik inferensi didefinisikan sebagai anggaran parameter kepada populasi. Dalam situasi ini, parameter merupakan satu indeks populasi seperti min, varian serta indeks lain yang wujud daripada sampel kajian. Statistik inferensi akan membolehkan seseorang pengkaji melaksanakan generalisasi terhadap populasi dengan melibatkan konsep kebarangkalian terdapatnya ralat berdasarkan kadar signifikan yang ditentukan (Alias 1996). Analisis ANOVA pula digunakan untuk membandingkan tiga atau lebih kumpulan berdasarkan faktor umur dan pengalaman mengajar yang telah dipilih. Jika perbandingan tiga atau lebih kumpulan menggunakan ujian-t, kebarangkalian akan melakukan ralat jenis 1 (menolak hipotesis nol yang benar).

Jadual 1 menunjukkan interpretasi skor min bagi setiap bahagian instrumen. Bagi Bahagian B, interpretasi skor min dibahagikan kepada lima skala, iaitu sangat rendah (1.00 hingga 1.80); rendah (1.81 hingga 2.60); sederhana (2.61 hingga 3.40); tinggi (3.41 hingga 4.20); dan sangat tinggi (4.21 hingga 5.00)

(Tschannen-Moran & Gareis, 2004). Seterusnya, untuk Tahap Kualiti bagi Bahagian C pula, interpretasi skor min dibahagikan kepada lemah (1.00 hingga 1.80); kurang memuaskan (1.81 hingga 2.60); sederhana (2.61 hingga 3.40); baik (3.41 hingga 4.20); dan cemerlang (4.21 hingga 5.00) (KPM, 2013).

JADUAL 1: Interpretasi nilai skor min

| Nilai Skor Min | (B) Interpretasi Tahap Efikasi Kendiri | (C) Interpretasi Tahap Kualiti |
|------------------|--|--------------------------------|
| 1.00 hingga 1.80 | Sangat rendah | Lemah |
| 1.81 hingga 2.60 | Rendah | Kurang memuaskan |
| 2.61 hingga 3.40 | Sederhana | Sederhana |
| 3.41 hingga 4.20 | Tinggi | Baik |
| 4.21 hingga 5.00 | Sangat tinggi | Cemerlang |

Sumber: Bahagian B (Tschannen-Moran & Gareis (2004) Bahagian C (KPM 2013)

DAPATAN KAJIAN

Demografi Responden

Paparan data pada Jadual 2 merupakan bilangan demografi responden yang akan dihuraikan secara deskriptif. Kajian yang dijalankan ini melibatkan 165 orang responden yang terdiri daripada 51 orang guru lelaki mewakili 30.9 peratus dan 114 orang guru perempuan mewakili 69.1 peratus responden. Responden yang terlibat merupakan guru Bahasa Melayu yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah kebangsaan.

JADUAL 2: Taburan demografi responden

| Kriteria | Kekerapan (N=165) | Peratusan (%) |
|---------------------|-------------------|---------------|
| Jantina | Lelaki | 51 |
| | Perempuan | 114 |
| Umur | 30 tahun ke bawah | 17 |
| | 31 – 40 tahun | 69 |
| | 41 – 50 tahun | 59 |
| | 51 tahun ke atas | 20 |
| | 5 tahun ke bawah | 17 |
| Pengalaman Mengajar | 6 – 10 tahun | 42 |
| | 11 – 15 tahun | 50 |
| | 16 tahun ke atas | 56 |

Selain itu, bagi kategori umur pula, 17 orang responden (10.3%) berusia bawah daripada 30 tahun. 69 orang responden (41.8%) berusia antara 31 hingga 40 orang, 59 orang responden (35.8%) berusia antara 41 hingga 50 tahun dan 20 orang responden (12.1%) berusia dalam lingkungan 51 tahun ke atas. Bagi kriteria pengalaman mengajar pula, seramai 17 orang responden (10.3%) memiliki pengalaman mengajar kurang daripada lima tahun, 42 orang responden (25.5%) memiliki pengalaman mengajar antara 6 hingga 10 tahun, 50 orang responden (30.3%) memiliki pengalaman mengajar antara 11 hingga 15 tahun dan 56

orang responden (33.9%) memiliki pengalaman mengajar 16 tahun ke atas.

Perbezaan Tahap Efikasi Kendiri Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah Berdasarkan Faktor Jantina

Untuk melihat perbezaan sama ada terdapat perbezaan tahap efikasi kendiri antara guru Bahasa Melayu sekolah rendah lelaki dan perempuan, analisis ujian-t telah digunakan. Dapatan kajian dalam Jadual 1 mendapati nilai-t bagi perbezaan tahap efikasi kendiri guru lelaki dengan perempuan ialah $t = 0.156$ dan tahap signifikan $p = 0.876$. Tahap signifikan ini lebih besar daripada 0.05 ($p > 0.05$). Justeru, hipotesis nol (H_01) diterima dan tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada tahap efikasi kendiri guru antara guru lelaki dengan perempuan. Hal ini demikian dapat dilihat melalui skor min tahap efikasi kendiri guru lelaki ($\text{min} = 4.09$) dan skor min tahap efikasi kendiri guru perempuan ($\text{min} = 4.08$).

JADUAL 3 : Ujian t-tidak bersandar (*independent t test/ Ujian Levene Test*)

| Jantina | Bil. | Min (M) | Sisihan Piawaian (SP) | Nilai-t | Tahap Signifikan |
|-----------|------|---------|-----------------------|---------|------------------|
| Lelaki | 51 | 4.09 | .412 | .156 | 0.876 |
| Perempuan | 114 | 4.08 | .444 | | |

Jadual 3 menunjukkan bilangan jantina guru lelaki dan perempuan yang menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan pada skor efikasi kendiri guru lelaki ($M = 4.09$, $SP = 0.412$) dan guru perempuan ($M = 4.08$, $SP = 0.444$; $t(163) = 0.156$, $p = .87$, *2-tailed*). Perbezaan min adalah pada (*mean difference* = 0.01, 95% CI : -0.133 to 0.156) impak besar (*eta squared* = 1.47). Berdasarkan Jadual 3 secara keseluruhannya nilai t .156 pada darjah $p > 0.05$ menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara guru lelaki dan perempuan dari segi tahap efikasi kendiri. Hal ini menunjukkan bahawa guru Bahasa Melayu sekolah rendah dilihat memiliki tahap efikasi kendiri yang sama tanpa mengira perbezaan jantina.

Perbezaan Tahap Efikasi Kendiri Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah Berdasarkan Faktor Umur

Ujian ANOVA satu hala antara kumpulan telah dijalankan untuk melihat perbezaan tahap efikasi kendiri guru Bahasa Melayu sekolah rendah berdasarkan faktor umur. Responden telah dibahagikan kepada empat kumpulan mengikut kumpulan umur seperti yang dikelaskan, iaitu kumpulan 1 merupakan guru berusia bawah 30 tahun, kumpulan 2 merupakan

guru berusia antara 31-40 tahun, kumpulan 3 merupakan guru berusia antara 41-50 tahun dan kumpulan 4 merupakan guru berusia lebih daripada 51 tahun.

JADUAL 4: Tahap efikasi kendiri guru mengikut kumpulan umur

| Umur | Kekerapan ((N = 165) | Min (M) | Sisihan Piawaian (SP) | Tahap Pencapaian |
|---------------|----------------------|---------|-----------------------|------------------|
| <30 Tahun | 17 | 4.157 | .478 | Baik |
| 31 - 40 Tahun | 69 | 3.994 | .404 | Baik |
| 41 - 50 Tahun | 59 | 4.107 | .459 | Baik |
| >51 Tahun | 20 | 4.288 | .347 | Cemerlang |

Berdasarkan Jadual 4, dapatan kajian melalui ujian ANOVA sehala (*between groups*) menunjukkan pencapaian tahap efikasi kendiri guru Bahasa Melayu sekolah rendah berdasarkan kumpulan umur bawah 30 tahun, 31 - 40 tahun, 41 - 50 tahun dan lebih daripada 51 tahun adalah signifikan, $p < 0.5$ melalui: $F(3,161) = 2.766$, $p = .044$. Maka hipotesis nol (H_02) ditolak dengan nilai aras signifikan $p = 0.00$. Didapati skor min antara kumpulan mempunyai kesan impak besar (*effect size for one way ANOVA-between groups*) menggunakan formula *eta squared* (*eta squared* = 0.54). Hal ini bermakna bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap efikasi kendiri guru Bahasa Melayu sekolah rendah berdasarkan faktor umur. Kajian mendapati bahawa guru yang berumur lebih daripada 51 tahun menunjukkan tahap efikasi kendiri tertinggi berbanding kumpulan umur yang lain.

Perbezaan Tahap Efikasi Kendiri Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah Berdasarkan Faktor Pengalaman Mengajar

Ujian ANOVA satu hala antara kumpulan telah dijalankan untuk melihat perbezaan efikasi kendiri guru Bahasa Melayu sekolah rendah berdasarkan faktor pengalaman mengajar bawah lima tahun, 6-10 tahun, 11 - 15 tahun dan 16 - 20 tahun. Responden telah dibahagikan kepada empat kumpulan mengikut tempoh pengalaman mengajar iaitu kumpulan 1 dengan pengalaman mengajar bawah lima tahun, kumpulan 2 merupakan guru berpengalaman 6 - 10 tahun, kumpulan 3 merupakan guru berpengalaman 11 - 15 tahun dan kumpulan 4 merupakan guru berpengalaman 16 - 20 tahun.

Berpandukan Jadual 5, dapatan kajian melalui ujian ANOVA sehala (*between groups*) mendapati bahawa pencapaian tahap efikasi kendiri guru Bahasa Melayu sekolah rendah berdasarkan kumpulan pengalaman mengajar bawah lima tahun, 6 - 10 tahun, 11 - 15 tahun dan 16 - 20 tahun adalah signifikan, $p < 0.5$ melalui: $F(3,161) = 3.396$, $p = .019$. Maka, hipotesis nol (H_03) ditolak dengan nilai aras signifikan $p = .019$. Didapati skor min antara kumpulan mempunyai kesan

impak sederhana (*effect size for one way ANOVA-between groups*) menggunakan formula *eta squared* (*eta squared* = 0.06).

JADUAL 5: Tahap efikasi sendiri guru mengikut peringkat pengalaman mengajar

| Pengalaman Mengajar | Kekerapan (N=165) | Min (M) | Sisihan Piawaian (SP) | Tahap Pencapaian |
|---------------------|-------------------|---------|-----------------------|------------------|
| <5 Tahun | 17 | 4.178 | .473 | Baik |
| 6 – 10 Tahun | 42 | 4.004 | .400 | Baik |
| 11 - 15 Tahun | 50 | 3.985 | .408 | Baik |
| 16 - 20 Tahun | 56 | 4.213 | .440 | Cemerlang |

Dapatan ini memperlihatkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap efikasi sendiri guru Bahasa Melayu sekolah rendah berdasarkan faktor pengalaman mengajar. Hal ini menunjukkan bahawa faktor pengalaman mengajar mempengaruhi tahap efikasi sendiri guru Bahasa Melayu sekolah rendah yang mana guru dengan pengalaman mengajar 16 - 20 tahun memiliki tahap efikasi sendiri tertinggi berbanding guru dengan pengalaman mengajar bawah 16 tahun.

Perbezaan Tahap Pelaksanaan Pendekatan Pengajaran Terbeza Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah Berdasarkan Faktor Jantina

Untuk melihat perbezaan sama ada terdapat perbezaan tahap pelaksanaan pengajaran terbeza antara guru Bahasa Melayu sekolah rendah lelaki dan perempuan, analisis ujian-t telah digunakan. Dapatan kajian ini mendapati nilai-t bagi perbezaan tahap pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza guru lelaki dengan perempuan ialah $t = -0.298$ dan tahap signifikan $p = 0.022$. Tahap signifikan ini lebih besar daripada 0.05 ($p > 0.05$). Oleh yang demikian, hipotesis nol (H_0) ditolak dan terdapat perbezaan yang signifikan pada tahap pelaksanaan pengajaran terbeza antara guru lelaki dengan guru perempuan.

JADUAL 6: Ujian t-tidak bersandar (*independent t test/ Ujian Levene Test*)

| Jantina | Bil. | Min (M) | Sisihan Piawaian (SP) | Nilai-t | Tahap Signifikan |
|-----------|------|---------|-----------------------|---------|------------------|
| Lelaki | 51 | 4.02 | .508 | -.298 | -0.022 |
| Perempuan | 114 | 4.05 | .418 | | |

Berdasarkan Jadual 6, dapat dilihat melalui skor min tahap pelaksanaan pengajaran terbeza guru lelaki (min=4.02) dan skor min tahap pelaksanaan pengajaran terbeza guru perempuan (Min = 4.05). Jadual 6 menunjukkan bahawa bilangan jantina guru lelaki dan perempuan, terdapat perbezaan signifikan pada skor pelaksanaan pengajaran terbeza guru lelaki (M = 4.02,

SP = 0.508) dan guru perempuan (M = 4.05, SP = 0.419); $t(163) = -.298, p = .02, 2-tailed$. Perbezaan min adalah pada (*mean difference* = 0.01, 95% CI : -0.172 to 0.127) impak besar (*eta squared*=5.39).

Berdasarkan Jadual 6, secara keseluruhannya, nilai $t = -.298$ pada darjah $p < 0.05$ menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara guru lelaki dan perempuan dari segi tahap pelaksanaan pengajaran terbeza Bahasa Melayu sekolah rendah. Hal ini bermakna guru perempuan lebih banyak mengaplikasikan pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza berbanding guru lelaki dalam subjek Bahasa Melayu sekolah rendah di dalam bilik darjah.

Perbezaan Tahap Pelaksanaan Pendekatan Pengajaran Terbeza Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah Berdasarkan Faktor Umur

Ujian ANOVA satu hala antara kumpulan telah dijalankan untuk melihat perbezaan pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza guru Bahasa Melayu sekolah rendah berdasarkan kumpulan umur bawah 30 tahun, 31 - 40 tahun, 41 - 50 tahun dan lebih daripada 51 tahun. Responden telah dibahagikan kepada empat kumpulan mengikut kumpulan umur, iaitu kumpulan 1 merupakan guru berusia bawah 30 tahun, kumpulan 2 merupakan guru berusia antara 31 - 40 tahun, kumpulan 3 merupakan guru berusia antara 41 - 50 tahun dan kumpulan 4 merupakan guru berusia lebih daripada 51 tahun.

JADUAL 7: Tahap pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza guru mengikut kumpulan umur

| Umur | Kekerapan (N=165) | Min (M) | Sisihan Piawaian (SP) | Tahap Pencapaian |
|---------------|-------------------|---------|-----------------------|------------------|
| <30 Tahun | 17 | 4.141 | .463 | Baik |
| 31 - 40 Tahun | 69 | 3.960 | .425 | Baik |
| 41 - 50 Tahun | 59 | 4.062 | .484 | Baik |
| >51 Tahun | 20 | 4.120 | .354 | Baik |

Berdasarkan Jadual 7, dapatan kajian melalui ujian ANOVA sehala (*between groups*) mendapati bahawa pencapaian tahap pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza guru Bahasa Melayu sekolah rendah berdasarkan kumpulan umur bawah 30 tahun, 31 - 40 tahun, 41 - 50 tahun dan lebih daripada 51 tahun adalah signifikan, $p < 0.5$ melalui: $F(3,161) = 1.841, p = .044$. Maka, hipotesis nol (H_0) diterima dengan nilai aras signifikan $p = .142$. Didapati skor min antara kumpulan mempunyai kesan impak kecil (*effect size for one way ANOVA-between groups*) menggunakan formula *eta squared* (*eta squared* = 0.03). Hal ini menunjukkan bahawa pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza guru Bahasa Melayu sekolah rendah di dalam bilik darjah tidak dipengaruhi oleh faktor umur guru.

Perbezaan Tahap Pelaksanaan Pendekatan Pengajaran Terbeza Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah Berdasarkan Faktor Pengalaman Mengajar

Ujian ANOVA satu hala antara kumpulan telah dijalankan untuk melihat perbezaan tahap pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza guru Bahasa Melayu sekolah rendah berdasarkan pengalaman mengajar bawah lima tahun, 6 – 10 tahun, 11 – 15 tahun dan 16 – 20 tahun. Responden telah dibahagikan kepada empat kumpulan mengikut tempoh pengalaman mengajar iaitu kumpulan 1 dengan pengalaman mengajar bawah lima tahun, kumpulan 2 merupakan guru berpengalaman 6 – 10 tahun, kumpulan 3 merupakan guru berpengalaman 11 – 15 tahun dan kumpulan 4 merupakan guru berpengalaman 16 – 20 tahun.

JADUAL 8: Tahap pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza guru mengikut pengalaman mengajar

| Pengalaman Mengajar | Kekerapan (f) | Min (M) | Sisihan Piawai (SD) | Tahap Pencapaian |
|---------------------|---------------|---------|---------------------|------------------|
| <5 Tahun | 17 | 4.160 | .461 | Baik |
| 6 – 10 Tahun | 42 | 4.000 | .466 | Baik |
| 11 - 15 Tahun | 50 | 3.914 | .421 | Baik |
| 16 - 20 Tahun | 56 | 4.160 | .424 | Baik |

Berdasarkan Jadual 8, dapatan kajian melalui ujian ANOVA sehalu (*between groups*) mendapati bahawa pencapaian tahap pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza guru Bahasa Melayu sekolah rendah berdasarkan kumpulan pengalaman mengajar bawah lima tahun, 6 - 10 tahun, 11 - 15 tahun dan 16 - 20 tahun adalah signifikan, $p < 0.5$ melalui: $F(3,161) = 3.260$, $p = .023$. Maka, hipotesis nol (H_0) diterima dengan nilai aras signifikan $p = .023$. Didapati skor min antara kumpulan mempunyai kesan impak sederhana (*effect size for one way ANOVA-between groups*) menggunakan formula *eta squared* ($\eta^2 = 0.06$). Hal ini bermakna bahawa pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza guru Bahasa Melayu sekolah rendah tidak dipengaruhi oleh faktor pengalaman mengajar guru tersebut.

PERBINCANGAN

Tahap Efikasi Kendiri Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah Berdasarkan Faktor Jantina

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada tahap efikasi kendiri guru Bahasa Melayu sekolah rendah antara guru lelaki dengan perempuan. Hal ini bermakna guru Bahasa Melayu sekolah rendah dilihat memiliki efikasi kendiri yang sama tanpa mengira jantina. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian yang telah dilaksanakan oleh Tschannen-Moran dan Hoy (2007) yang mana telah membuktikan bahawa faktor jantina dan latihan guru tidak mempunyai perkaitan dengan efikasi kendiri

seorang guru. Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini berbeza dengan kajian efikasi kendiri yang melibatkan guru sekolah menengah yang mana efikasi guru perempuan di sekolah menengah dilihat lebih tinggi berbanding efikasi kendiri guru lelaki (Egger 2006; Kurz 2001). Malah, perbezaan dapatan kajian turut dilihat terdapat dalam variasi kajian yang membuktikan sebaliknya iaitu efikasi kendiri guru lelaki lebih tinggi berbanding efikasi kendiri guru perempuan (Rahmah et al. 2006). Oleh itu, sebagai tindakan lanjutan dalam kajian ini, jumlah responden yang lebih besar boleh diambil untuk melihat sama ada faktor jantina mempengaruhi tahap efikasi kendiri guru.

Tahap Efikasi Kendiri Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah Berdasarkan Faktor Umur

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif antara tahap efikasi kendiri guru Bahasa Melayu sekolah rendah berdasarkan faktor umur. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian Rahmah et al. (2006) yang telah membuktikan secara statistiknya, efikasi kendiri guru yang lebih berusia dilihat mempunyai perbezaan yang ketara jika dibandingkan dengan guru muda yang kurang mempunyai pengalaman mengajar (Norhasliza dan Hazalifah 2016; Khalid et al. 2009). Dapatan kajian Tschannen-Moran dan Hoy (2002) juga turut menunjukkan bahawa faktor umur lebih mempengaruhi tahap efikasi kendiri seseorang guru dalam pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza yang telah dirancang. Dalam hal ini, efikasi guru berusia dengan pengalaman mengajar iaitu guru yang mengajar lebih dari lima tahun, dilihat lebih tinggi berbanding dengan guru novis iaitu guru yang mengajar kurang dari lima tahun (Tschannen-Moran dan Hoy 2002) yang kebiasaannya berusia bawah daripada 30 tahun.

Tahap Efikasi Kendiri Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah Berdasarkan Faktor Pengalaman Mengajar

Dapatan kajian ini mendapati bahawa kumpulan guru Bahasa Melayu sekolah rendah yang mempunyai pengalaman mengajar antara 16 -20 tahun menunjukkan tahap pencapaian tertinggi berbanding kumpulan guru dengan pengalaman mengajar yang lain. Hal ini bermakna, guru yang memiliki lebih banyak pengalaman mengajar mempunyai tahap efikasi kendiri yang tinggi. Tschannen-Moran dan Hoy (2002) telah memberikan rumusan bahawa guru yang berpengalaman memiliki efikasi kendiri yang lebih tinggi kerana telah melalui pelbagai pengalaman serta peluang yang dapat meningkatkan keupayaan diri menerusi tugas pengajaran harian yang telah dilaksanakan untuk tempoh yang lama berbanding dengan guru novis atau guru yang tidak mempunyai pengalaman untuk mengembangkan kemahiran dalam

pengurusan kelas dan strategi pengajaran. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian Choo dan Tuan Mastura (2020) serta Woon dan Ruslin (2018), yang juga memperlihatkan bahawa efikasi guru sekolah rendah berada pada tahap tinggi serta wujudnya sumbangan dan korelasi antara pengalaman mengajar terhadap efikasi pengajaran guru.

Situasi ini walau bagaimanapun, tidak selari dengan dapatan kajian Khalid (2012) yang mendapati bahawa efikasi sendiri guru akan cenderung semakin menurun dan berkurangan dalam fasa yang mencapai 15 hingga 18 tahun pengalaman mengajar atau lebih dikenali sebagai fasa efikasi lesu. Dapatan ini selari dengan pandangan Looney (2003) juga cenderung berpihak kepada faktor pengalaman mengajar tidak begitu mempengaruhi tahap efikasi guru. Menerusi kajian yang telah dilaksanakan, Looney (2003), menyatakan bahawa terdapat serta wujudnya hubungan yang signifikan, tetapi lemah antara pengalaman mengajar dengan efikasi guru. Woolfolk dan Hoy (1990) turut bersetuju bahawa faktor pengalaman mengajar tidak memberi pengaruh secara statistik terhadap efikasi sendiri guru.

Tahap Pelaksanaan Pendekatan Pengajaran Terbeza Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah Berdasarkan Faktor Jantina

Dapatan kajian telah menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan pada tahap pelaksanaan pengajaran terbeza Bahasa Melayu sekolah rendah antara guru lelaki dengan guru perempuan. Hal ini demikian, dapatan kajian menunjukkan bahawa guru perempuan berupaya menerapkan pendekatan pengajaran terbeza dengan lebih berkesan berbanding guru lelaki. Walaupun begitu, variasi kajian yang dilakukan oleh pengkaji lain menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara min guru lelaki dan guru perempuan dalam pelaksanaan pengajaran (Jeffery 2018; Siti Fatimah 2010). Situasi ini menunjukkan bahawa guru berupaya menawarkan pendekatan pengajaran yang bermakna tanpa mengira faktor jantina. Impaknya, proses pengajaran yang berlangsung akan menjadi lebih menarik dan seronok serta mampu memenuhi keperluan murid di dalam bilik darjah (Halida & Zamri 2021).

Sementelahan itu, pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza yang bermakna amat penting untuk dimanifestasikan dengan berkesan dalam bilik darjah memandangkan amalan *streaming classroom* tidak lagi menjadi pilihan dalam pendidikan pada hari ini (Danial Arif & Zamri 2019). Justeru, sebagai tindakan lanjutan dalam kajian ini, jumlah responden yang lebih besar perlu diambil untuk melihat sama ada faktor jantina mempengaruhi tahap pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza guru Bahasa Melayu sekolah rendah.

Tahap Pelaksanaan Pendekatan Pengajaran Terbeza Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah Berdasarkan Faktor Umur

Dapatan kajian memperlihatkan bahawa tidak terdapat perbezaan pada tahap pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza guru Bahasa Melayu sekolah rendah berdasarkan faktor kumpulan umur. Dapatan ini selari dengan variasi kajian mengenai faktor umur dalam mempengaruhi aspek pelaksanaan pengajaran. Antaranya, melalui kajian yang dilaksanakan oleh Sofiana dan Zamri (2019) serta Noordiana dan Zamri (2017) yang menyimpulkan bahawa penerapan kemahiran pengajaran tidak dipengaruhi oleh kumpulan umur tetapi pengalaman mengajar. Walau bagaimanapun, dapatan ini tidak selari dengan kajian Marni Izzati (2020) yang menunjukkan bahawa faktor umur guru mempengaruhi penerapan sesuatu perubahan dalam pendidikan. Hal ini dikatakan demikian, guru yang berusia agak sukar untuk mengadaptasi perubahan dan mencuba sesuatu yang baharu (Salimiah & Zamri 2022) khasnya dalam pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza.

Tahap Pelaksanaan Pendekatan Pengajaran Terbeza Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah Berdasarkan Faktor Pengalaman Mengajar

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pelaksanaan pengajaran terbeza guru Bahasa Melayu sekolah rendah berdasarkan faktor pengalaman mengajar. Dapatan ini selari dengan kajian yang dilaksanakan oleh Norazana dan Nor Azwahanum (2021) yang mendapati bahawa tahap kesediaan guru dalam pelaksanaan pendekatan yang digunakan tidak mempunyai kaitan dengan pengalaman mengajar. Hal ini demikian, faktor demografi berkaitan pengalaman mengajar memperlihatkan tiada perbezaan yang signifikan dengan pelaksanaan pengajaran (Zanariah & Zamri 2017). Oleh itu, guru Bahasa Melayu sekolah rendah dilihat berupaya untuk mengaplikasikan pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza dengan baik di dalam bilik darjah tanpa dipengaruhi oleh faktor pengalaman mengajar.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, efikasi sendiri merupakan antara aspek yang perlu diberikan perhatian dalam pembentukan identiti dan personaliti guru yang berkualiti. Hal ini demikian seterusnya akan membawa kepada keupayaan untuk menyediakan proses pengajaran dan pembelajaran yang berimpak tinggi di dalam kelas dan di sekolah. Secara tidak langsung, kualiti pendidikan negara akan dapat diangkat dan berkemampuan untuk berdiri sama tinggi duduk sama rendah setanding dengan negara-negara dunia kelas

pertama seantero dunia. Selain itu, efikasi sendiri ini turut memainkan peranan yang besar dalam membentuk keyakinan diri guru untuk memperbaiki diri dari semasa ke semasa. Situasi ini sejajar dengan definisi teori efikasi sendiri yang menggariskan bahawa keyakinan dan kemampuan melaksanakan tugas dengan cemerlang bertitik tolak daripada efikasi sendiri yang tinggi.

Impaknya, guru yang berefikasi tinggi cenderung untuk terus mempelajari dan memantapkan pendekatan dan strategi baharu dalam pengajaran, di samping berusaha untuk menerapkan teknik pengurusan ke arah mengembangkan lagi autonomi murid, memberikan bantuan berterusan kepada murid yang lemah, membina tanggapan sendiri yang positif dalam diri murid terhadap kemahiran akademik, menetapkan matlamat, dan tidak mudah mengalah ketika berdepan dengan murid yang lemah.

Secara keseluruhannya, efikasi sendiri yang tinggi akan membantu guru untuk melaksanakan pendekatan pengajaran terbeza dengan baik dan cemerlang. Intinya, guru yang memiliki efikasi sendiri yang tinggi akan terus berusaha untuk memperbaiki diri ke arah yang lebih baik seterusnya berupaya untuk menawarkan pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza yang berkualiti dan berkesan kepada semua.

RUJUKAN

- Alias Baba. (1996). *Statistik Penyelidikan Dan Pendidikan Dalam Sains Sosial*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Aswaniza Shamsudin & Rosadah Abd Majid. (2018). Efikasi sendiri guru sekolah dalam hospital di Malaysia. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 15(3), 20-28.
- Baharuzaini Baharin, Muhammad Hisham Adnan, Mohd Hanif Mohd Zin, Mohd Norhisyam Kamaludin, & Azlin Norhaini Mansor. (2017). Gaya kepimpinan guru besar dan tahap efikasi guru. *Journal of Personalized Learning*, 2(1), 9-17.
- Bandura, A. (1977). Self-efficacy: Toward a unifying theory of behavioral change. *Psychological Review*, 84(2), 191-215.
- Bruun, J. & Evans, R.H. (2020). Network analysis of survey data to identify non-homogeneous teacher self-efficacy development in using formative assessment strategies. *Education Sciences*, 10(3), 1-20.
- Choo Ying Chie & Tuan Mastura Tuan Soh. (2020). Efikasi dan amalan pelaksanaan KBAT dalam kalangan guru Sains sekolah rendah. *Seminar Pendidikan Sains 2019*, 104-117.
- Cocca, M., Cocca, A., Martinez, E.A. & Bulnes, M.G.R. (2018). Correlation between self-efficacy perception and teaching performance: the case of Mexican Preschool and Primary School teachers. *Arab World English Journal*, 9(1), 56-70.
- Danial Arif Abdul Muttalip. (2020). Pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza dalam kalangan guru Bahasa Melayu yang mengajar di sekolah rendah pedalaman kategori 3. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10 (2): 29-42.
- Danial Arif Abdul Muttalip & Zamri Mahamod. (2019). Tinjauan persepsi guru Bahasa Melayu sekolah rendah terhadap pengetahuan dan penerimaan pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza. *Seminar Kebangsaan Pascasiswazah Sains Sosial dan Kemanusiaan (SPSSK 2019)*, hlm.732-742. Bangi: Penerbit Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Dixon, H., & Hawe, E. (2018). Developing assessment-capable teachers through engagement in assessment for learning: A New Zealand study. In *Teacher Learning with Classroom Assessment*, pp. 1–201. Singapore: Springer.
- Egger, K.J. (2006). An exploration of the relationships among teacher efficacy, collective teacher efficacy, and teacher demographic characteristics in conservative Christian schools. Doctoral Dissertation. University of North Texas.
- Fenella Francis. (2014). Hubungan efikasi sendiri guru dengan kualiti pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Tesis Sarjana. Fakulti Psikologi dan Pendidikan. Universiti Malaysia Sabah.
- Green, F. (2019). An Exploration into the value of formative assessment and the barriers associated with the implementation of formative strategies. In. Marta K-W, Alicja K-B, Wioleta D & Gracienne L. (Eds.) *Rethinking Teacher Education for the 21st Century*, pp. 203-222. Opladen, Germany: Verlag Barbara Budrich.
- Halida Jawan & Zamri Mahamod. (2021). Kaedah dan cabaran pengajaran terbeza dalam meningkatkan penguasaan membina ayat Bahasa Melayu murid sekolah rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 66 – 77.
- Hartell, E. (2018). Teachers' self-efficacy in assessment in technology education. In. Marc.J.de Vries. *Handbook of Technology Education*, pp. 785-800. New York: Springer.
- Jeffery Tikok. (2018). Sikap dan jantina guru Bahasa Melayu sekolah rendah daerah Serian terhadap pemilihan bahan bantu mengajar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8(1), 13-21.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Panduan Keurusetiaan Pengurusan Prestasi di Kementerian Pelajaran Malaysia*. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Guru.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *Manual Pembelajaran Terbeza VI.0*. Pulau Pinang: Pejabat Pendidikan Daerah Seberang Perai Tengah.

- Khairunneezam Mohd Noor. (2022). Peranan guru membentuk kesejahteraan murid-murid di sekolah. *Bernama*, 20 Mei: 22.
- Khalid Johari, Zurida Ismail, Shuki Osman & Ahmad Tajuddin Othman. (2009). Pengaruh jenis latihan guru dan pengalaman mengajar terhadap efikasi guru sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34:3-14.
- Khalid Johari. (2012). Perkembangan efikasi guru sekolah menengah di Sabah. *Jurnal Kemanusiaan*, 20, 34-45.
- Koloi-Keaikitse, S. (2017). Assessment of teacher perceived skill in classroom assessment practices using IRT Models. *Cogent Education*, 4(1), 1-14.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.
- Kurz, T.B. (2001). An exploration of the relationship among teacher efficacy, collective teacher efficacy, and goal consensus. Dissertation Abstracts International: Section A. *The Humanities and Social Sciences*, 62(7).
- Ling Lin, Mohamad Nizam Nazarudin & Zakiah Noordin. (2019). Kepuasan kerja dan efikasi guru tingkatan enam di pantai barat Sabah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(32), 51-66.
- Lily Hanefarezan Asbullah, Maimun Aqsha Lubis, Ashinida Aladdin & Mus'ab Sahrim. (2018). Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen strategi pengajaran kolokasi Bahasa Arab: Analisis menggunakan Model Rasch. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 43(3), 131-140.
- Looney, L. (2003). Understanding teachers' efficacy beliefs: the role of professional community. Doctoral Dissertation. University of Maryland.
- Ma'rufi, Ilyas, M. & Salwah. (2018). Junior high school mathematics teachers' pedagogical content knowledge in teaching of polyhedra. *Journal of Physics Conference Series*, 16.
- Marni Izzati Kamaruddin. (2020). Perbezaan tahap pengetahuan, penggunaan dan penerimaan guru Bahasa Melayu berdasarkan faktor umur dan pengalaman mengajar ketika mengaplikasikan persekitaran pembelajaran maya. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 10(2), 15-28.
- Mohd Fais Johari & Siti Nur Diyana Mahmud. (2022). Kesiediaan guru Sains dan Matematik dalam pendidikan STEM dari aspek sikap, pengetahuan dan pengalaman mengajar. *Prosiding e-Kolokium Pendidikan Sains*, 2022 (1), 175-188.
- Mohd Syaubari Othman. (2022). Transformasi pendidikan penting tangani isu keciciran murid. *Berita Harian*, 20 Julai: 22.
- Mohd Zainal Abidin Che Mood, Mohd Asri Abdul Rahman, Cheong, L.S. & Zaharah Hussin. (2017). Hubungan kecerdasan emosi terhadap efikasi sendiri guru pelatih pendidikan khas di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas. *Jurnal Penyelidikan Tempawan*, XXXIV, 1-15.
- Nor Hazizah Julaihi, Liew Chin Ying, Voon Lili & Syah Runniza Ahmad Bakri. (2020). Confidence level and self-efficacy beliefs of Mathematics teachers: evidence from Sarawak. *International Journal of Service Management and Sustainability*, 4(2), 1-23.
- Norazana Awang Kechik & Nor Azwahanum Nor Shaid. (2021). Hubungan pengalaman mengajar dengan tahap kesiediaan guru Bahasa Melayu menggunakan didik hiburan dalam talian. *2nd Kuala Lumpur International Conference on Social Sciences, Education and Engineering*, hlm. 207-217.
- Norhasliza Abdullah & Hazalizah Hamzah. (2016). Pengaruh jantina dan dimensi personality guru ke atas efikasi sendiri guru sekolah rendah. Dibentangkan dalam *The 7th UPSI-UPI International Conference 2016*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Noordiana Abu Bakar & Zamri Mahamod. (2017). Kesiediaan guru terhadap implementasi kemahiran abad ke-21 dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu daerah Limbang. *Prosiding Seminar Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu Sabah dan Sarawak (Eksekutif) Kali ke-6*, 655-674. Bangi: Penerbit Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying & Wong Kiet Wah. (2010). *Asas Kepimpinan dan Perkembangan Profesional Guru*. Selangor Darul Ehsan: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Ong Eng Ling & Faridah Mydin Kutty. (2022). Peranan efikasi sendiri dan kemahiran teknologi digital guru sekolah rendah dalam memotivasi pembelajaran murid. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanitie*, 7(3), 1-17.
- Perera, H.N., Calkins, C. & Part, R. (2019). Teacher self-efficacy profiles: determinants, outcomes, and generalizability across teaching level. *Contemporary Educational Psychology*, 58, 186-203.
- Rahmah Murshidi, Mohd Majid Konting, Habibah Elias & Foo Say Fooki. (2006). Sense of efficacy among beginning teachers in Sarawak. *Teaching Education*, 17(3), 265-275.
- Rathaneswaary Derbala & Ruhizan Mohamad Yasin. (2022). Tahap pengetahuan, penerimaan, kesiediaan dan amalan pengajaran guru Pemulihan Khas terhadap pengajaran terbeza. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(4), e001445.
- Rodhiana Rosli, Siti Eshah Mokhsein & Zahari Suppian. (2021). Faktor yang mempengaruhi efikasi sendiri guru dalam melaksanakan pentaksiran bilik darjah di sekolah rendah.

- International Journal of Education and Training*, 7 (Isu Khas) Oktober: 1-6.
- Safiek Mokhlis. (2021). Persepsi dan pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza dalam kalangan guru prasekolah: satu tinjauan awal. *Borneo International Journal*, 4(3), 9-18.
- Salimiah@Sazarinah Jamili & Zamri Mahamod. (2022). Perbezaan penerapan aktiviti didik hibur secara bersemuka dan dalam talian berdasarkan jantina dan pengalaman mengajar guru bahasa Melayu sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 12(1), 40-49.
- Siti Fatimah Ahmad. (2010). Penggunaan BBM berasaskan teknologi multimedia dalam pengajaran guru j-QAF. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sofiana Hassan & Zamri Mahamod. (2019). Hubungan faktor pengetahuan kemahiran abad ke-21 dengan faktor umur, kelayakan akademik dan pengalaman mengajar guru Bahasa Melayu di daerah Sibul, Sarawak. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 9(2), 37 – 43.
- Syed Kamaruzaman Syed Ali, Mohd Zaki Che Hassan & Julismah Jani. (2017). Efikasi sendiri guru Pendidikan Jasmani terhadap pelaksanaan pengajaran mata pelajaran Pendidikan Jasmani. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 2(3): 45 – 31.
- Teng Lung Kiu. (2006). Pengaruh faktor terpilih terhadap efikasi sendiri guru sekolah menengah di negeri Sarawak. Tesis Doktor Faksafah, Fakulti Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.
- Tschannen-Moran, M., Hoy, A.W. & Hoy, W. K. (1998). Teacher efficacy: Its meaning and measure. *Review of Educational Research*, 68(2): 202-248.
- Tschannen-Moran, M. & Woolfolk, A. (2001). Teacher efficacy: Capturing and elusive construct. *Teaching and Teacher Education*, 17, 783-805.
- Tschannen-Moran, M. & Woolfolk, A. (2002). The influence of resources and support on teachers' efficacy beliefs. Paper presented at The Annual Meeting of the American Educational Research Association: What is the Value of Understanding Beliefs? An Exploration of Beliefs Related to Academic Achievement. New Orleans, LA.
- Tschannen-Moran, M. & Gareis, C.R. (2004). Principals' sense of efficacy: assessing a promising construct. *Journal of Educational Administration*, 42(5): 573-585.
- Tschannen-Moran, M. & Woolfolk, A. (2007). The differential antecedents of self-efficacy beliefs of novice and experienced teachers. *Teaching and Teacher Education*, 23, 944–956.
- Woolfolk, A, Rosoff, B. & Hoy, W.K. (1990). Teachers' sense of efficacy and their beliefs about managing students. *Teaching and Teacher Education*, 6(2), 137–148.
- Woon Wei Ni & Ruslin Amir. (2018). Hubungan kepuasan komunikasi dan efikasi sendiri dengan prestasi kerja guru sekolah rendah di Nilai, Negeri Sembilan. *Prosiding Seminar Pendidikan Transdisiplin*, hlm. 315-327. Bangi: Penerbit Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zamri Mahamod, Ruslin Amir & Mohamed Amin Embi. (2015). *Kepelbagaian Pelajar dan Perbezaan Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zamri Mahamod. (2022). *Linguistik Terapan dan Pengajaran Bahasa. Edisi Kedua*. Bangi: Penerbitan Fakulti Pendidikan.
- Zanariah Wahab & Zamri Mahamod. (2017). Pengetahuan, kemahiran pelaksanaan dan sikap guru Bahasa Melayu sekolah rendah terhadap pendekatan Didik Hibur. *Prosiding Seminar Serantau ke-VIII*, hlm. 19-26. Bangi: Penerbit Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zhang, X., Kuchinke, L., Woud, M.L., Velten, J. & Margraf, J. (2017). Survey method matters: Online/offline questionnaires and face-to-face or telephone interviews differ. *Computers in Human Behavior*, 71, 172-180.